Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BERITA HARIAN, SABTU, 16 JANUARI, 1982

SEMINAR PELAKSANAAN PENYUSUAN IBU:

Laporan oleh
ZAINI ZAINUDDIN
☆★☆
Gambar2 oleh
ABDUL RAHIM HASHIM

Sejauh mana sampai matlamatnya?

● Sebahagian para peserta yang menghadiri Seminar Pelaksanaan Penyusuan Ibu anjuran Persatuan Mahasiswa Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.

● Gambar kanan: Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohammad Ali, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed diiringi Ahli-ahli Jawatankuasa Seminar dan Pameran asyik meneliti bahan-bahan yang dipamerkan di bilik pameran itu.

DUNIA-RAYA wanita

SUNTINGAN ZUBAIDAH ABDUL RAHMAN

TIDAK dinafikan iklan telah berjaya mempengaruhi sebahagian besar kaum wanita masa kini, baik yang bekerja mahupun yang tidak.

Masing-masing mengambil jalan mudah — menyusukan bayi dengan susu tepung seperti yang diiklankan sedang pada hakikat sebenarnya susu ibu itu lebih berkhasiat dari susu tepung blar bagaimana enak dan sedap sekalipun susu tepung itu.

Keistimewaan susu ibu — kurnian Yang Maha Kuasa — tiada tolok bandingannya! Bukannya kaum wanita tidak menyedari hakikat ini tetapi berbagai halangan yang dihadapi terutama bagi yang bekerja menyebabkan segala yang istimewa itu terpaksa diketepikan.

Memahami masalah ini dan ingin berusaha mengembalikan kaum wanita pada cara lama — menyusukan bayi dengan susu asli maka Persatuan Mahasiswa Perubatan (PERSIAP), Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganjurkan satu seminar mengenai 'Pelaksanaan Penyusuan Ibu'.

Kini, seminar yang berlangsung selama dua hari itu (9 - 10 Januari) berlalu sudah. Sejauh mana kejayaan tercapai dan hasil diperolehi dari perbincangan yang diadakan, tidaklah diketahui. Tetapi, yang jelas pada saya, seminar tersebut hanya hebat pada tajuk tetapi gagal menyampaikan matlamatnya.

Hari pertama, diadakan upacara perasmian oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohammad Ali, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Para hadirin cuma golongan wartawan yang dijemput dan siswa-siswi Fakulti Perubatan.

Kemudian, kami bersama-sama Datin Seri dibawa melawat ke bilik pameran. Tahniah diberikan pada yang mengusahakannya — Persatuan Mahasiswa Perubatan dan Persatuan Penasihat Penyusuan Ibu Malaysia atas kejayaan mereka menjayakan pameran.

Segala hasrat dan matlamat yang ingin disampaikan meresap masuk ke pemikiran semua. Poster-poster indah menghiasi dinding yang mengelilingi dewan menjelaskan kebaikan dan keistimewaan susu ibu, menurut pandangan Islam dan kajian oleh pakar-pakar kesihatan.

Datin Seri sendiri tertarik dengan poster-poster serta barang-barang yang dipamerkan. Beliau telah meluangkan masa meneliti serta mendengar penerangan dari beberapa orang penuntut.

Istimewa

Hari kedua — seminar berlangsung — yang dihiasi dengan beberapa ceramah dan forum. Hari kedua yang sepatutnya merupakan hari kemuncak — membincangkan masalah serta cara-cara mengatasinya menemui kegagalan dan kekecewaan. Para hadirin masih golongan wartawan dan siswa-siswi Fakulti Perubatan.

Sebanyak tiga kertas-kerja telah dibentangkan iaitu 'Penyusuan Ibu di kalangan Ibu-ibu yang Bekerja' oleh Puan Suraya Aziz dari Persatuan Penasihat Penyusuan Ibu Malaysia, 'Keistimewaan Penyusuan Ibu' oleh Professor Madya Dr. Chien Siew Tien dari Jabatan Paediatrik, Universiti Malaya dan 'Pengaruh Sosial serta Kesannya ke atas Penyusuan Ibu' oleh seorang perwakilan dari Kesatuan Pengguna-pengguna Pulau Pinang.

Majlis forum yang diadakan pula membincangkan 'Masalah-masalah Penyusuan Ibu dan Penyelesaiannya'. Ahli panelnya ialah Professor Madya Dr. Ali Azman Minhaj, Ketua Jabatan Paediatrik UKM, Dr. Abdul Onny Yahaya dari Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Ustazah Khalifah Haji Ismail dari Kementerian Pertahanan dan Encik Yahaya Baba, siswa Fakulti Perubatan UKM.

Ceramah yang disampaikan oleh Puan Suraya Aziz menarik. Perbincangan dari hati ke hati antara hadirin dan penceramah juga menarik. Malangnya, majlis seminar menjadi 'kurang sihat' dengan ceramah yang disampaikan oleh Professor Madya Dr. Chien Siew Tien. Bukan isi yang disampaikan tidak menepati tajuk tetapi bahasa yang digunakan amat mengecewakan — berbahasa Inggeris.

Sebenarnya ceramah oleh Professor Madya Dr. Chien memang menarik — dengan angka dan gambar rajah yang dipancarkan menerusi 'slides'.

Tetapi, begitulah jadinya kerana berbahasa Inggeris, cacatlah majlis. Bukan setakat itu sahaja menjadi punca kecacatan majlis, tetapi banyaknya penggunaan perkataan saintifik, yang cuma dimengertikan oleh para siswa dan siswi sahaja.

Menurut salah seorang ahli jawatankuasa majlis, jemputan telah dibuat pada pertubuhan-pertubuhan wanita serta beberapa orang perseorangan tetapi yang hadir cuma siswa-siswi itu sendiri. Mereka yang memenuhi dewan, merekalah yang bertanya dan hanya mereka juga yang memahami perkataan saintifik yang digunakan.

Mujur juga kaum ibu tidak hadir kerana mereka cuma akan membuang masa mendengar sesuatu yang tidak dapat difahami. Sudahlah begitu, majlis forum yang diadakan serasa seperti cuma ditujukan untuk para pelajar fakulti perubatan sahaja!

Betapa tidak — Encik Yahaya Baba, salah seorang ahli panel dan juga pelajar Fakulti Perubatan UKM bukan membincangkan masalah penyusuan ibu tetapi seolah-olah menceritakan masalah yang dihadapi pelajar-pelajar Fakulti Perubatan terhadap para penasyarah mereka yang kurang memberi perhatian pada perbincangan tentang penyusuan ibu di dewan-dewan kuliah.

Meneliti matlamat Seminar memang hebat. Antara lainnya ialah untuk:

- *Menyedarkan orang ramai tentang kepentingan penyusuan ibu.*
- *Menggalakkan ibu-ibu menyusukan bayi mereka sendiri.*
- *Memberi keyakinan pada orang ramai terutamanya kaum ibu bahawa mereka berupaya melaksanakan penyusuan ibu.*
- *Menerangkan bahaya-bahaya penyusuan tiruan.*
- *Membincangkan masalah-masalah penyusuan ibu dan cara-cara untuk mengatasinya.*
- *Menambah dan meluaskan pengetahuan pelajar-pelajar perubatan dalam menyediakan diri untuk menjadi doktor-doktor yang lebih baik dan berpengetahuan.*
- *Memperkenalkan Fakulti Perubatan UKM pada orang ramai.*

Mungkin, matlamatnya untuk meluaskan pengetahuan pelajar-pelajar perubatan dan memperkenalkan Fakulti Perubatan pada orang ramai berjaya.

Kejayaan bermula dari peringkat bawah — pengetahuan harus disepakan dalam diri pelajar-pelajar Fakulti Perubatan dahulu kerana diharapkan mereka inilah yang bakal membimbing kaum ibu kelak ke arah pencapaian matlamat mereka iaitu untuk menggalakkan kaum ibu menyusukan bayi sendiri.

Tetapi, untuk apa diadakan seminar kalau bahan yang diceritakan cuma berlegar untuk para pelajar sahaja dengan perkataan saintifiknya dan berbahasa Inggeris pula?